

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Sains Pertanian 3528/1 mengandungi 25 soalan berbentuk struktur. Kebanyakan soalan mempunyai ransangan soalan yang terdiri dari jadual, data, rajah, pernyataan, graf dan sebagainya. Soalan terdapat dalam berbagai bentuk seperti jawapan pendek, mengisi ruangan kosong, membuat padanan, membuat urutan, pengiraan mudah, melengkapkan jadual dan aneka pilihan. Calon diwajibkan menjawab semua soalan di dalam ruangan jawapan yang disediakan pada kertas soalan. Setiap soalan diperuntukkan di antara 3 hingga 5 markah. Jumlah markah bagi setiap soalan dinyatakan dalam setiap soalan dan jumlah keseluruhan markah ialah 100.

PRESTASI KESELURUHAN

Pada keseluruhannya prestasi calon adalah tidak banyak berbeza berbanding tahun sebelumnya. Ini kerana terdapat beberapa soalan yang mana kebanyakan calon tidak boleh memberikan jawapan yang menepati peraturan pemarkahan. Walau bagaimanapun terdapat juga calon yang menjawab dengan baik, di mana jawapan yang diberikan adalah tepat, padat dan jelas serta soalan penghitungan dijawab dengan betul dan jalan penghitungan ditunjukkan dengan teratur. Terdapat juga sebahagian calon yang hanya menjawab soalan berbentuk padanan dan aneka pilihan sahaja tetapi tidak menjawab soalan yang berbentuk penulisan dan penghitungan. Jurang perbezaan prestasi jawapan calon adalah agak besar, dimana terdapat sebahagian calon boleh menjawab dengan baik bagi keseluruhan soalan manakala sebahagian calon pula tidak dapat menjawab dengan baik malahan ada yang langsung tidak menjawab.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Calon dapat menguasai kehendak soalan dan memberikan jawapan yang menepati peraturan pemarkahan. Calon mempunyai kefahaman yang tinggi dalam keseluruhan tajuk yang diuji. Calon menjawab dengan teknik yang betul dan calon menulis dengan tulisan yang kemas, jelas dan mudah dibaca. Soalan yang memerlukan jawapan berbentuk kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis juga dapat dijawab dengan baik. Begitu juga soalan berbentuk penghitungan, mereka berkeupayaan menunjukkan jalan penghitungan yang betul disamping dapat menyatakan unit dengan tepat. Calon dapat menggunakan ransangan soalan dengan sebaik-baiknya sebagai panduan semasa menjawab.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Keseluruhan calon menjawab semua soalan dan mereka dapat memahami serta mematuhi kehendak soalan. Sebahagian daripada jawapan calon mematuhi peraturan pemarkahan dan sebahagian lagi tidak menepatinya. Bagi soalan berbentuk penghitungan, jawapan yang diberi tidak begitu lengkap, misalnya jalan penghitungan tidak ditunjukkan dengan jelas atau hanya ada jawapan tanpa jalan penghitungan. Ransangan soalan kurang digunakan dengan sebaiknya semasa menjawab soalan. Persembahan jawapan adalah memuakkan kerana tulisan yang agak kemas dan teratur.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan, malah mereka kurang atau tidak memahami langsung kehendak soalan. Mereka meneka jawapan atau sengaja mereka-reka jawapan yang tidak berkaitan. Ada juga calon yang langsung tidak menjawab soalan terutama soalan yang memerlukan calon memberi fakta, penghitungan atau penerangan ringkas. Tulisan calon sukar dibaca disamping ejaan dan ayat yang salah. Calon tidak dapat menggunakan ransangan soalan semasa menjawab.

PRESTASI TERPERINCI

Soalan 1

Kebanyakan calon dapat menjawab fakta yang dikehendaki iaitu perbandingan antara sektor estet dan kebun kecil bagi pecahan soalan (a). Kebanyakan calon juga dapat menamakan agensi yang membantu pekebun kecil padi bagi pecahan soalan (c). Terdapat calon yang gagal mengaitkan data dari jadual 1 yang merupakan ransangan soalan untuk dirumuskan menjadi pernyataan yang berkaitan kemungkinan perbezaan hasil diantara sektor kebun kecil dengan estet bagi pecahan soalan (b). Ada juga calon yang memberikan jawapan yang berulang-ulang dan ada juga calon yang langsung tidak menjawab soalan.

Pecahan soalan (a) meminta calon menyatakan perbandingan sektor estet dengan pekebun kecil manakala pecahan soalan (b) meminta calon menyatakan dua kemungkinan yang menyebabkan perbezaan hasil. Pecahan soalan (c) pula memerlukan calon menamakan satu agensi kerajaan pembantu pekebun kecil padi. Calon perlu ada pengetahuan membandingbeza, pengetahuan meramal dan mengingati fakta bagi menjawab soalan ini.

Soalan 2

Majoriti calon dapat menguasai konsep **kefotokalaan** dengan tepat semasa menjawab pecahan soalan (a). Calon juga dapat mengaitkan perkara yang disoal dengan iklim Malaysia bagi pecahan soalan (b). Terdapat calon yang tidak dapat menyatakan fakta penting yang perlu ada untuk mendapatkan markah. Ada juga calon yang menyatakan kaedah untuk mendapatkan cahaya yang optimum sedangkan soalan meminta faktor yang mempengaruhi penerimaan cahaya bagi pecahan soalan (c). Kesilapan yang jelas dan selalu juga dilakukan oleh calon ialah mereka menyatakan ciri cahaya yang mempengaruhi fotosintesis sedangkan fakta ini tidak ditanya dalam pecahan soalan. (c)

Pecahan soalan (a) meminta calon menyatakan maksud kefotokalaan, pecahan soalan (b) meminta calon memberi sebab mengapa kebanyakan tumbuhan di Malaysia tidak dipengaruhi oleh kefotokalaan. Pecahan soalan (c) meminta calon menyatakan faktor yang mempengaruhi penerimaan cahaya oleh tumbuhan. Kebolehan menguasai pengetahuan dan kefahaman yang berkaitan kefotokalaan penting kepada calon bagi menjawab soalan.

Soalan 3

Kebanyakan calon dapat menjawab soalan dengan tepat. Terdapat juga calon yang meneka jawapan iaitu urutan langkah dalam amali. Ini kerana mereka gagal memahami senarai langkah berdasarkan urutan yang betul. Walau bagaimanapun jika calon meneliti langkah eksperimen, penelitian itu dapat membantu calon menentukan urutan yang betul. Ada juga calon yang tidak menjawab dengan sempurna, meninggalkan ruang jawapan kosong.

Soalan ini meminta calon mengisikan ruangan jawapan dengan nombor 1,2,3 dan 4 mengikut urutan yang betul tentang eksperimen bagi menentukan suhu yang sesuai dalam percambahan biji benih. Calon perlu mengetahui dan memahami tentang langkah melakukan eksperimen mengikut urutan untuk menjawab soalan ini.

Soalan 4

Sebahagian dari calon dapat menyatakan dua langkah yang telah dilakukan untuk mengurangkan hakisan tanah berdasarkan Rajah 1 bagi pecahan soalan (a). Calon juga boleh menerangkan bagaimana langkah dalam Rajah 1 boleh mengurangkan hakisan tanah bagi pecahan (b). Kelemahan calon yang ketara ialah mereka kurang memahami masalah pengurusan akibat daripada keadaan topografi seperti dalam Rajah 1. Ini disebabkan calon tidak dapat memahami Rajah 1 dan seterusnya mengaitkan dengan masalah pengurusan tanaman. Ada juga calon yang tidak menjawab dan hanya meninggalkan ruang kosong.

Pecahan soalan (a) meminta calon menyatakan dua langkah yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan hakisan tanah berdasarkan Rajah 1. Pecahan soalan (b) meminta calon menerangkan bagaimana langkah yang dinyatakan dalam (a) dapat mengurangkan hakisan tanah, manakala pecahan (c) meminta calon menyatakan satu masalah pengurusan tanaman berdasarkan Rajah 1. Pengetahuan dan kefahaman calon tentang aspek kaedah, tujuan dan proses hakisan tanah perlu bagi calon menjawab soalan ini.

Soalan 5

Majoriti calon dapat menamakan tekstur tanah dengan tepat bagi pecahan soalan (a)(i). Begitu juga pecahan soalan (a)(ii) yang berkaitan dengan kesan pengapuran juga dapat dijawab. Hanya sebilangan kecil calon sahaja dapat menjawab dengan tepat soalan yang berkaitan dengan kaedah membaiki sampel tanah B dan ciri fizikal sampel tanah C dalam Jadual 2 bagi pecahan soalan (b) dan (c). Kelemahan calon ialah mereka tidak dapat menentukan tekstur bagi setiap tanah A, B dan C berdasarkan pemerhatian dalam Jadual 2. Kegagalan di peringkat ini menyebabkan calon tidak boleh menjawab soalan yang berikutnya.

Pecahan soalan (a) (i) meminta calon menamakan tekstur tanah Sampel A, manakala pecahan soalan (a)(ii) menghendaki calon menyatakan kesan pengapuran ke atas sampel tanah A. Pecahan soalan (b) meminta calon menyatakan kaedah membaiki sampel tanah B dan pecahan soalan (c) meminta calon menyatakan ciri fizikal sampel tanah C. Calon perlu menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang fakta tanah bagi menjawab soalan ini.

Soalan 6

Majoriti calon dapat menamakan nutrien yang disoal berdasarkan rajah 2 dalam pecahan soalan (a) dengan tepat. Pemahaman mengenai rajah 2 dapat membantu calon menjawab keseluruhan soalan ini. Kelemahan calon yang ketara ialah mereka kurang upaya mentafsir carta ketersediaan unsur nutrien. Kegagalan calon mentafsir carta dengan betul adalah penyebab utama jawapan yang tidak betul. Ada juga calon yang tidak boleh mengaitkan nilai pH dengan ketersediaan unsur mangan dalam pecahan soalan (c). Terdapat juga calon yang tidak menjawab soalan ini secara keseluruhan.

Pecahan soalan (a) meminta calon menamakan nutrien yang ketersediaannya tidak dipengaruhi oleh keasidan tanah seperti dalam Rajah 2, manakala pecahan soalan (b) meminta calon menyatakan nilai pH tanah untuk memperoleh ketersediaan mangan yang maksimum.

Pecahan soalan (c) meminta calon menyatakan perkaitan antara ketersediaan mangan dengan nilai pH. Kefahaman calon berkaitan carta bar mengenai perkaitan ketersediaan unsur nutrien dengan keasidan tanah perlu bagi menjawab soalan ini dengan sebaiknya.

Soalan 7

Kebanyakan dapat membuat padanan diantara organisma dan pernyataan mengenai organisma tersebut. Kebolehan calon mengingat fakta memudahkan soalan bentuk padanan dijawab. Ada juga calon yang tidak menguasai fakta menyebabkan mereka meneka dan tidak dapat menjawab dengan betul. Soalan ini adalah berbentuk padanan, calon hanya perlu memadankan nama organisma yang mempengaruhi pertumbuhan dan hasil tanaman dengan pernyataan yang berkaitan di dalam kotak yang disediakan. Pengetahuan dan pemahaman mengenai fakta tentang organisma adalah penting untuk menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 8

Kebanyakan calon menguasai konsep dan dapat menamakan amalan perladangan dengan tepat sebagaimana yang disoal dalam pecahan soalan (a). Kelemahan calon semasa menjawab soalan ini ialah mereka sering menggunakan istilah yang tidak tepat serta tidak dapat mengaitkan bagaimana amalan perladangan dapat mengawal perosak tanaman sebagaimana yang disoal dalam pecahan soalan (b) dan (c). Calon juga tidak dapat menyatakan kebaikan lain amalan seperti pada Rajah 3 sebagaimana yang disoal dalam pecahan soalan (d). Ini disebabkan calon tidak memahami sesuatu konsep dan gagal menjadikan ransangan didalam soalan sebagai alat untuk mendapatkan jawapan yang betul.

Calon dikehendaki menamakan amalan Rajah 3 bagi pecahan soalan (a), menyatakan kaedah kawalan perosak bagi pecahan soalan (b), menyatakan cara amalan itu dapat mengurangkan populasi ulat pengorek batang bagi pecahan soalan (c) dan menyatakan kebaikan lain amalan seperti dalam Rajah 3 bagi pecahan soalan (d). Pengetahuan dan pemahaman mengenai fakta tentang amalan giliran tanaman diperlukan bagi menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 9

Sebahagian dari calon dapat menjawab dengan tepat pecahan soalan (a) dan (b). Kefahaman calon tentang rajah 4 boleh membantu calon bagi menjawab soalan. Ada juga calon yang keliru dan tidak memberikan sebab mengapa biji benih tidak sesuai dijadikan bahan penanaman dalam pecahan soalan (c). Calon tidak faham perkataan **prestasi merosot**, akibatnya mereka memberikan jawapan yang salah atau tidak menjawab soalan.

Calon dikehendaki menamakan kaedah pembiakan seperti dalam Rajah 4 bagi pecahan soalan (a). Bagi pecahan soalan (b) calon diminta menyatakan dua ciri varieti Eksotika Malaysia manakala pecahan soalan (c) calon diminta menyatakan sebab biji benih induk Eksotika Malaysia tidak sesuai dijadikan bahan penanaman. Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang pembiakbaikan tumbuhan perlu bagi menjawab soalan ini.

Soalan 10

Ramai calon dapat menamakan dan memberikan kelemahan pokok sebagaimana yang disoal dalam pecahan soalan (a) dan (b). Ciri akar yang terhasil juga dapat diberikan oleh kebanyakan calon dengan tepat dalam pecahan soalan (c). Kelemahan calon yang ketara

ialah mereka tidak dapat mengaitkan jenis akar yang terhasil dengan ciri akar. Bagi pecahan soalan (d) sebilangan kecil sahaja calon boleh menjawab dengan tepat. Ada juga calon yang menjawab sebahagian sahaja soalan atau tidak langsung menjawab.

Pecahan soalan (a) meminta calon menamakan kaedah pembiakan. Pecahan soalan (b) meminta calon menyatakan kelemahan pokok yang dihasilkan melalui pembiakan seperti Rajah 5(A). Pecahan soalan (c) meminta calon menyatakan ciri akar yang terhasil melalui pembiakan seperti Rajah (B) manakala pecahan soalan (d) meminta calon menyatakan kelebihan kaedah pembiakan seperti Rajah 5 (B). Kebolehan menguasai pengetahuan dan kefahaman secara grafik tentang kaedah membiak tumbuhan diperlukan dalam menjawab soalan ini.

Soalan 11

Hanya sebahagian kecil calon mampu menamakan, menyatakan cara penggunaan dan tujuan pengawaltur pertumbuhan tumbuhan. Sebahagian besar calon tidak boleh memberi jawapan yang relevan atau salah menjawab mengikut lajur dan baris di dalam jadual. Kesilapan yang biasa ialah calon gagal memahami kehendak kata tugas dengan tepat akibat tidak menguasai fakta. Ada juga calon yang menjawab sebahagian atau tidak menjawab langsung.

Pecahan soalan (i) meminta calon menamakan bahan pengawalatur pertumbuhan untuk mengawal rumpai dikotiledon di kawasan penanaman padi, manakala pecahan soalan (ii) meminta calon menyatakan tujuan menggunakan pengawalatur ethepon di bahagian tapak torehan getah. Pecahan soalan (iii) meminta calon menyatakan cara penggunaan bahan pengawalatur kalsium karbida untuk mempercepatkan kemasakan buah, manakala pecahan soalan (iv) meminta calon menyatakan tujuan penggunaan asid naftalena asetik (NAA) yang disembur pada bahagian pucuk pokok nanas. Penguasaan pengetahuan dan kefahaman tentang bahan pengawalatur pertumbuhan dalam sektor pertanian perlu untuk menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 12

Sebahagian besar calon dapat menjawab pecahan soalan (b) (i) dan (ii) dengan betul. Manakala sebahagian besar juga calon tidak menguasai pecahan soalan (a). Jawapan calon tidak lengkap dan calon menjawab tanpa merujuk kepada Jadual 4 menyebabkan jawapan menjadi rencam. Ada juga calon yang tidak menjawab soalan ini. Calon sepatutnya menjawab kesan suhu terhadap kedua-dua baka lembu X dan Y dalam pecahan soalan (a) dan kelebihan baka X dipelihara di Malaysia serta langkah memelihara baka Y secara komersil bagi soalan (b) (i) dan (ii). Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang kesan himpitan iklim diperlukan bagi menjawab soalan ini.

Soalan 13

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan tepat. Kelemahan utama calon ialah mereka tidak menguasai fakta, akibatnya calon tidak boleh menentukan samada pernyataan yang diberi betul atau salah. Ada juga calon yang membulatkan lebih dari satu pilihan jawapan.

Calon sepatutnya dapat menentukan samada pernyataan yang diberi benar atau palsu secara menandakan (\checkmark) dan (x) pada kotak yang berkaitan pada pecahan soalan (a)(i),(ii) dan (iii). Bagi pecahan soalan (b) calon dikehendaki membulatkan jawapan tepat berkaitan organ pencernaan. Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang sistem pencernaan haiwan ruminan penting dalam menjawab soalan ini.

Soalan 14

Ramai calon yang dapat memberikan maksud makanan seimbang dalam soalan (a) Hanya sebahagian kecil calon yang boleh memberikan jenis makanan yang dipilih dan sebab makanan itu dipilih dalam soalan (b). Ada juga calon yang memberi maksud catuan makanan seimbang yang tidak lengkap. Terdapat calon yang keliru tentang konsep Nisbah Penukaran Makanan (NPM) dan gagal mentafsirkan kepentingan nilai NPM. Kegagalan ini menyebabkan soalan (b) tidak boleh dijawab dengan baik.

Soalan (a) menghendaki calon memberi maksud **catuan makanan seimbang**. Manakala soalan (b) meminta calon memilih jenis makanan dan sebab makanan itu dipilih berdasarkan ransangan soalan berbentuk data dalam Jadual 5. Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang aspek pemakanan haiwan penting semasa menjawab soalan.

Soalan 15

Hanya sebahagian kecil calon yang berjaya menjawab soalan (a),(b) dan (c). Calon dapat mengaitkan maklumat yang terdapat pada Rajah 6 untuk menjawab soalan. Terdapat juga calon yang tidak menamakan Parasit X kerana mereka tidak berkebolehan mentafsir gambarajah dan mengaitkannya dengan soalan. Pentafsiran atau pemahaman pada gambarajah adalah penting untuk mendapatkan jawapan yang betul dalam soalan (a),(b) dan (c). Calon perlu menamakan parasit X bagi menjawab soalan (a), menyatakan tindakan parasit X dalam soalan (b) dan menyatakan kaedah merawat lembu yang diserang parasit X. Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang parasit yang menyerang ternakan penting dalam menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 16

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik, ini kerana maklumat pada Rajah 7 dapat memandu calon bagi menjawab soalan ini. Walau bagaimanapun ramai juga calon yang gagal menamakan contoh yang betul parasit luar bagi pecahan soalan (b). Kesilapan yang sering dilakukan oleh calon ialah mereka gagal menjawab dengan lengkap bagi soalan (c) dan (d). Bagi soalan ini jawapan lengkap dan khusus adalah diperlukan.

Bagi soalan (a) calon perlu melengkapkan carta alir, soalan (b) calon dikehendaki menamakan contoh ternakan yang dirawat dengan kaedah seperti pada Rajah 7. Bagi soalan (c) calon perlu menamakan contoh parasit yang boleh dikawal dengan kaedah seperti Rajah 7. Bagi soalan (d) pula calon perlu menyatakan kaedah lain dari seperti Rajah 7 bagi merawat ternakan yang diserang parasit seperti yang dijawab oleh calon dalam soalan (c). Bagi soalan ini calon perlu pengetahuan asas tentang rawatan parasit kerana ia berkaitan antara pecahan soalan.

Soalan 17

Majoriti calon yang mampu menjawab dengan tepat bagi soalan (b) ini kerana calon menguasai pengetahuan dan kefahaman mengenai kelebihan pernian berbanding pengawanan semula jadi. Kelemahan calon ialah mereka tidak ingat tentang fakta yang dibekalkan dalam ransangan soalan bagi memandu kearah mendapatkan jawapan bagi soalan (a) (i) dan (ii). Oleh kerana soalan ini berbentuk aneka pilihan, ada calon yang membulatkan lebih dari satu pilihan jawapan dan ada juga calon yang langsung tidak cuba menjawab soalan ini. Calon dikehendaki menentukan yang manakah fungsi skrotum dalam soalan dalam (a)(i) dan menentukan nama organ dalam soalan (a) (ii).

Calon juga dikehendaki menyatakan dua kelebihan pernian beradas berbanding pengawanan semula jadi bagi pecahan soalan (b). Calon perlu ada kebolehan mengingat fakta yang baik tentang sistem pembiakan haiwan bagi menjawab soalan ini.

Soalan 18

Terdapat calon yang menanda dengan betul bagi soalan (i), (ii),(iii) dan (iv) kerana mereka menguasai kefahaman mengenai alat mekanisasi pertanian terutama mengenai fungsi dan kebaikan alat tersebut. Oleh kerana soalan ini memerlukan calon menandakan (\checkmark) dan (x) bagi menentukan setiap pernyataan benar atau palsu, terdapat calon yang meneka sahaja misalnya mereka menandakan semua ruang jawapan dengan (\checkmark) atau (x). Ini disebabkan mereka tidak mengingat atau memahami dengan baik mengenai alat mekanisasi pertanian. Bagi soalan ini calon hanya dikehendaki menandakan (\checkmark) atau (x) dalam kotak yang disediakan bagi setiap pernyataan mengenai alat mekanisasi dalam pertanian. Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang alat mekanisasi pertanian adalah penting bagi menjawab soalan.

Soalan 19

Kebanyakan calon dapat menjawab pecahan soalan (b) dan (c) dengan betul. Ini kerana mereka boleh mentafsir Rajah 8 dan seterusnya mengaitkan kepada jawapan yang betul. Kelemahan calon ialah mereka gagal mengingat nama gas X yang terhasil dengan betul bagi pecahan soalan (a). Dalam soalan ini calon perlu menamakan gas X seperti pada Rajah 8, dalam pecahan soalan (a), menyatakan organisma yang menghasilkan gas X bagi pecahan soalan (b) dan menyatakan dua faedah mengamalkan aktiviti seperti dalam Rajah 8 bagi pecahan soalan (c). Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang bioteknologi penting untuk menjawab soalan ini.

Soalan 20

Sebilangan kecil calon boleh menjawab pecahan soalan (a) dan (c) dengan betul ini kerana mereka dapat mengingat fakta khusus yang berkaitan dengan perisian komputer yang digunakan dalam pertanian. Kesilapan calon ialah mereka menyatakan nama perisian yang lain yang tidak berkaitan dengan perkara yang ditanya. Ada juga calon yang menjawab kaedah fotostat sedangkan jawapan yang dikehendakki ialah kaedak cetak bagi pecahan soalan (b). Calon dikehendaki memberi nama perisian komputer bagi pecahan soalan (a), kaedah mendapatkan helaian salinan bagi pecahan soalan (b) dan menyatakan dua kelebihan menggunakan perisian bagi pecahan soalan (c). Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang perisian komputer yang diguna dalam pertanian perlu dalam menjawab soalan ini dengan baik.

Soalan 21

Sebilangan besar calon dapat menjawab kesemua soalan dengan betul. Ini kerana mereka menguasai kefahaman tentang prinsip yang betul dalam aktiviti penanaman. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa kelemahan dan kesilapan iaitu calon menandakan kesemua ruangan dalam Jadual 7 bagi sesuatu aktiviti. Bagi pecahan soalan (c) yang berkaitan dengan penghitungan calon tidak menunjukkan jalan penghitungan, ini mungkin disebabkan mereka tidak mengingat rumus dalam penghitungan. Terdapat juga calon yang tidak langsung menjawab soalan ini. Soalan ini dikemukakan bersama Jadual 7 yang berkaitan dengan perancangan kerja dalam bidangusaha sawi. Calon dikehendaki menyatakan kepentingan Jadual 7 bagi pecahan soalan (a). Calon juga diminta menandakan masa aktiviti menyembur racun perosak dan membaja bagi pecahan soalan

(b) dan menghitung anggaran kos tenaga buruh bagi pecahan soalan (c). Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang aspek perancangan kerja adalah penting.

Soalan 22

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan tepat pecahan soalan (a) dan (b), ini kerana Rajah 9(A) dan 9(B) banyak membantu calon dalam mendapatkan jawapan terutama bagi calon yang dapat mengaitkan rajah dengan faedah yang diperolehi oleh peladang. Namun begitu terdapat juga calon yang tidak memahami kehendak pecahan soalan (a) kerana calon menyatakan kelebihan kepada pelanggan bukannya kepada peladang sebagaimana yang sepatutnya. Ada juga calon yang menyatakan kelemahan pemasaran kaedah 9 (B) sedangkan itu bukanlah kehendak soalan. Rata-rata calon tidak dapat menjawab pecahan soalan (c) kerana mereka tidak mengingati fakta. Calon dikehendaki menyatakan faedah kepada peladang jika menjalankan aktiviti saluran pemasaran seperti Rajah 9 (A) dan 9 (B) bagi pecahan soalan (a). Bagi pecahan soalan (b), calon diminta menamakan agensi kerajaan yang berkaitan dengan Rajah 9 (B) manakala bagi pecahan soalan (c) calon diminta menyatakan satu cara pemasaran yang lain. Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang saluran pemasaran adalah perlu untuk menjawab soalan ini dengan sebaiknya.

Soalan 23

Sebahagian besar dari calon dapat menjawab dengan baik pecahan soalan (a) dan (b), ini kerana calon dapat menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang konsep nilai pulangan setiap ringgit yang dilabur. Nilai pulangan setiap ringgit yang digambarkan melalui histogram dalam Rajah 10 sangat membantu calon dalam membuat tafsiran seterusnya yang menjurus kepada jawapan soalan yang betul. Terdapat calon yang tidak dapat menjawab pecahan soalan (c) kerana mereka tidak mengingati rumus atau kurang memahami perkaitan diantara nilai pulangan setiap ringgit dilabur dengan keuntungan dan perbelanjaan. Bagi pecahan soalan (a) calon dikehendaki memilih bidang usaha memberikan keuntungan paling tinggi, manakala pecahan soalan (b) meminta calon memilih bidangusaha yang memerlukan jumlah perbelanjaan paling tinggi. Pecahan soalan (c) meminta calon menghitung keuntungan. Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang nilai pulangan setiap ringgit dilabur adalah penting dalam menjawab soalan ini.

Soalan 24

Hanya sebahagian kecil sahaja calon yang dapat menjawab dengan tepat soalan ini, kerana mereka dapat memahami data yang terdapat dalam Jadual 8 dan seterusnya mampu mengaitkan data tersebut mengenai keluasan penanaman padi dengan nilai impot beras negara. Bagi pecahan soalan (b) calon tidak boleh membuat rumusan yang betul dari data yang terdapat dalam Jadual 8. Bagi pecahan soalan (a) calon dikehendaki menyatakan perkaitan antara keluasan penanaman padi dengan nilai impot beras negara manakala pecahan soalan (c) calon diminta membuat rumusan berpandukan Jadual 8. Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang trend dan isu pertanian di Malaysia adalah penting semasa menjawab soalan ini.

Soalan 25

Kebanyakan calon dapat menjawab pecahan soalan (b) dengan tepat. Soalan ini memerlukan calon mengaitkan fakta dengan situasi sebenar dalam sektor pertanian. Pengalaman dan pembacaan tambahan yang dibuat oleh calon dapat membantu menjawab

soalan ini. Bagi pecahan soalan (a) calon gagal menguasai fakta tentang kelebihan kepada peladang yang mempelbagaikan bidang usaha. Ada juga calon yang langsung tidak menjawab soalan ini. Pecahan soalan (a) meminta calon menyatakan dua kelebihan kepada peladang yang mengamal mempelbagaikan bidang usaha, manakala pecahan soalan (b) menyatakan dua akibat penghijrahan penduduk desa ke bandar terhadap sektor pertanian. Kebolehan calon menguasai pengetahuan dan kefahaman tentang isu pertanian di Malaysia adalah penting untuk menjawab soalan ini dengan baik.

SARANAN KEPADA CALON

1. Tingkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam tajuk yang dipelajari semasa di tingkatan 4 dan 5.
2. Lakukan amali dengan sebaiknya dalam masa pengajaran secara amali.
3. Banyakkan latih tubi dan cuba jawab soalan peperiksaan yang lepas.
4. Biasakan dengan kemahiran dalam pemahaman graf, jadual, rajah dan sebagainya kerana bentuk tersebut biasa ditanya dalam soalan.
5. Cuba hafal rumus yang penting dan biasakan dengan soalan berbentuk penghitungan.
6. Baca soalan dengan teliti dan cuba fahamkan betul-betul kehendak soalan.
7. Jawab soalan dengan ayat yang betul, jelas, kemas, dan tulisan yang sederhana saiz.
8. Fahami sebaik-baiknya ransangan soalan, kerana ransangan yang terdapat dalam soalan boleh membantu calon untuk mendapatkan jawapan yang betul.
9. Rancang masa semasa menjawab soalan dan pastikan jawapan disemak setelah selesai menjawab.

SARANAN KEPADA GURU

1. Kenalpasti kelemahan calon dan ambil tindakan untuk mengatasi kelemahan tersebut.
2. Sediakan soalan ulangkaji kepada calon dan bincangkan jawapan soalan tersebut.
3. Berikan lebih tumpuan kepada tajuk yang biasa disoal dalam peperiksaan.
4. Perbanyakkan sesi amali dalam pengajaran dan pembelajaran.
5. Latih calon menggunakan kata singkatan atau neumonik bagi perkara yang penting.
6. Pelbagaikan pendekatan dan kaedah pengajaran.